

**NO. SOALAN: 25**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WONG LING BIU  
[ SARIKEI ]**

**TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan lebih mendalam bagaimanakah negara Malaysia dapat menjadi sebuah negara yang berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk membantu semua lapisan rakyat mencapai pendapatan yang tinggi pada atau sebelum tahun 2020.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Status Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 adalah berpandukan kriteria yang digariskan oleh Bank Dunia iaitu mempunyai pendapatan per kapita atau pendapatan bagi setiap penduduk, sekurang-kurangnya USD15,000 (RM46,500). Pada akhir 2013, pendapatan per kapita bagi Malaysia adalah USD10,095 (RM31,810). Malaysia dijangka mencapai status negara maju lebih awal berbanding 2020, sekiranya pertumbuhan ekonomi Malaysia berada pada tahap landasan yang mampan.

Dalam mencapai matlamat ke arah menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dan maju pada tahun 2020, dasar dan program Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada sumber pertumbuhan ekonomi yang mampan termasuk pembangunan modal insan, peningkatan dalam produktiviti serta kreativiti dan inovasi. Kerajaan telahpun menetapkan pendekatan pembangunan secara holistik, dengan memberi tumpuan utama kepada aspek peningkatan dalam kualiti hidup rakyat, keterangkuman bagi membolehkan semua komuniti menikmati kekayaan negara sepenuhnya, dan kemampaman dengan memenuhi keperluan semasa tanpa menjaskan generasi akan datang seperti mana yang telah digariskan di dalam Model Baru Ekonomi (MBE).

Di samping itu, Kerajaan turut meneruskan lagi pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) ke arah mencapai sasaran tersebut. Bagi tempoh 2011-2013, sebanyak 196 projek di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) telah menarik pelaburan komited berjumlah RM219.3 bilion. Pencapaian GTP diukur melalui pelaksanaan projek-projek Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), dan pada tahun 2013 GTP telah mencapai sebanyak 104 peratus daripada sasaran yang ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua langkah dan strategi bagi menggerakkan ETP dan GTP telah diterjemahkan ke dalam 86 inisiatif dan sedang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) bersama dengan pelan tindakan dan dengan izin, *key milestones* serta kementerian/agensi yang bertanggungjawab untuk melaksanakannya dalam tempoh yang ditetapkan. Kesemua inisiatif berkenaan sedang dipantau bagi memastikan kesemua langkah dan strategi yang dinyatakan dapat dicapai.

Sebagai contoh, program 1Azam merupakan satu usaha Kerajaan untuk membawa keluar isi rumah berpendapatan rendah daripada paras kemiskinan telah banyak menyumbang kepada peningkatan pendapatan rakyat. Pelaksanaan program 1Azam ini telah melibatkan pelbagai kaedah antaranya mewujudkan peluang pekerjaan, keusahawanan, aktiviti pertanian dan juga perkhidmatan telah berjaya meningkatkan pendapatan seramai 168,946 individu semenjak dilaksanakan pada tahun 2009.

Justeru, Kerajaan percaya dengan usaha gigih dan penglibatan semua pihak, Malaysia mampu mencapai status negara

berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Kerajaan akan memastikan setiap rakyat akan dapat menikmati tahap kualiti hidup yang lebih baik hasil daripada pertumbuhan ekonomi yang dicapai ini.

Sekian. Terima kasih.